

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

Tarikh: 1 Disember, 2017

TENAGA KERJA MAHIR DALAM SENARAI PALING DIKEHENDAKI

PUTRAJAYA, 1 DIS – Lanskap pekerjaan yang kian berubah memberi nilai kepada pengetahuan dan kecekapan seseorang.

Pengarah Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional Kementerian Pendidikan Zainuren Mohd Nor berkata ibubapa tidak perlu bimbang kerana kursus vokasional menyediakan anak-anak mereka dengan kecekapan, pendidikan dan sikap yang perlu ada pada tenaga kerja masa depan.

“Ini bukan zaman kelayakan sijil sahaja. Ia lebih kepada pensijilan profesional yang mengiktiraf pengetahuan dan kecekapan seseorang dalam bidang pilihannya serta kebolehannya untuk menampung perubahan,” katanya.

“Tenaga kerja masa depan dinilai terutama terhadap apa yang mereka boleh lakukan dan perspektif positif sekitar tempat kerja.”



Zainuren Mohd Nor, Pengarah, Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional Kementerian Pendidikan.

“Pendidikan dan latihan vokasional adalah pemacu utama penting pertumbuhan ekonomi kerana ia menghasilkan tenaga kerja mahir yang diperlukan untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.”

Tambah beliau, salah tanggapan utama berkenaan pendidikan dan latihan vokasional ialah bahawa ia dianggap kelas kedua berbanding pendidikan aliran utama.

“Ia dianggap pendidikan alternatif untuk pelajar pencapaian rendah atau mereka yang menghadapi kesukaran dalam bidang akademik serta peluang terhad untuk memperoleh ijazah lebih tinggi,” katanya.

“Akibatnya, pekerjaan yang tersedia untuk mereka adalah perkerjaan kolar biru dalam industri-industri yang menawarkan pendapatan rendah.”

Zainuren berkata kejayaan lebih 15,000 graduan kolej vokasional daripada kohort pertama dan kedua sudah cukup untuk menyangkal persepsi bahawa institusi-institusi latihan vokasional adalah tempat pembuangan semata-mata.

Salah tanggapan ini, katanya, bermula pada tahun-tahun 1970an dan 1980an apabila sekolah-sekolah vokasional ditubuhkan bagi memenuhi keperluan pelajar-pelajar yang mendapat pencapaian rendah.

Stigma ini, yang dikeruhkan lagi dengan tanggapan bertahun-tahun lamanya bahawa pelajar di sekolah-sekolah terbabit mempunyai masalah disiplin, telah mengakibatkan institusi-institusi berkenaan tersisir dan dianggap sebagai kurang cemerlang berbanding sekolah aliran utama, katanya.

"Tambah pula, mereka yang berlatar belakangkan vokasional dan berjaya telah tidak diberikan penampilan yang sepatutnya oleh pihak media pada ketika itu," katanya.

Bagaimanapun, pendidikan vokasional di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang bermula pada tahun 2012 telah memperlihatkan sekolah-sekolah dinaik taraf kepada kolej-kolej vokasional (KV) di mana 36 program diploma ditawarkan untuk pelajar-pelajar yang menamatkan peperiksaan kebangsaan PT3.

Pelajar-pelajar terpilih menjalani kursus pembelajaran empat tahun dan lima bulan.

Mereka memperoleh diploma, berdasarkan bidang pilihan mereka daripada KPM selain Sijil Kemahiran Malaysia, berdasarkan peringkat kemahiran daripada Bahagian Pembangunan Kemahiran Malaysia.

Tambah Zainuren, Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV), sedang dibangunkan dengan Jawatankuasa Penasihat Teknikal yang terdiri daripada pakar-pakar industri dan universiti.

KSKV merangkumi 70% pembelajaran secara langsung dan 30% teori menerusi kursus akademik serta vokasional. Terdapat juga latihan sambal bekerja selama lima bulan. "Tenaga insaniah, inovasi dan keusahawanan adalah antara elemen yang terkandung dalam kurikulum," "Pelajar-pelajar dilengkapi dengan pelbagai kecekapan dan kemahiran yang luas dalam bidang pilihan mereka."

Tambahnya, penglibatan dalam industri dan badan profesional terutamanya bagi program kerjasama, pertandingan inovasi dan pensijilan menyediakan pelajar-pelajar dengan kemahiran yang sesuai dan pengalaman yang berkaitan serta mampan dalam pasaran kerja dan bidang keusahawanan.

Beliau turut menekankan bahawa dalam menghadapi Transformasi Nasional 50, KV adalah landasan untuk tenaga kerja masa depan di mana matlamat pembelajaran adalah untuk menghasilkan graduan holistik yang mampu menerap dan menginovasi teknologi serta menampung perubahan teknologi yang mendadak.

"Mereka sedia menghadapi transformasi sosial yang positif terutamanya dalam menjadi pencipta pekerjaan serta mampu menangani arah aliran pekerjaan yang tidak diduga," katanya.

Dari segi prospek pendidikan masa depan, katanya, pelajar boleh terus memperoleh tahap pendidikan lebih tinggi dalam program berkaitan di universiti awam atau swasta berdasarkan dua cara.

Mereka boleh terus memasuki universiti setelah mendapat diploma, dengan syarat keputusan di tahap sijil memenuhi keperluan yang digariskan KPM.

Secara alternatif, mereka boleh menggunakan Pengakreditan Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman Terdahulu (APEL) sepertimana yang digariskan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Zainuren berkata KV adalah antara institusi pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional yang menyediakan tenaga kerja masa depan yang diperlukan untuk Revolusi Industri 4.0.

Hasil pembelajaran program, tambahnya, bermatlamat untuk membangunkan kemahiran khusus, kecekapan luas, inovasi serta integriti di kalangan graduan.

"Graduan holistik ini disediakan untuk pembinaan kerjaya dan kemampunan dalam menghadapi Revolusi Industri 4.0 di mana industri-industri sangat bergantung kepada robot dan kecerdasan buatan," tambahnya.

"Graduan sepatutnya mampu menyesuaikan diri, fleksibel dengan perubahan pekerjaan berdasarkan kecekapan luas dan lebih penting lagi, nilai moral dan sikap yang baik untuk menyumbang sepenuhnya kepada pertumbuhan ekonomi serta sosial negara."

-Tamat -



Mengenai PADU

Mandat PADU jelas didokumenkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 untuk menyokong dan memantau penyampaian inisiatif yang terdapat dalam pelan pendidikan ini. Penubuhan PADU adalah khusus untuk memacu pelaksanaan inisiatif dan mendapat maklumbalas yang berterusan bagi penambahbaik pelaksana inisiatif. Dalam memastikan pelaksanaan dan penyampaian yang berkesan, PADU juga memainkan peranan dalam penyelesaian masalah pada peringkat akar umbi dan pada masa yang sama mengangkat isu-isu ke Pengurusan Tertinggi Kementerian.

Komposisi pegawai yang menerajui PADU merupakan fokus penting kejayaan PADU. Gandingan tenaga pakar dan memiliki prestasi yang cemerlang dalam penyelesaian masalah, pelaksanaan dan jalinan kerjasama merupakan tunjang kekuatan PADU. Transformasi pendidikan merupakan satu proses yang kompleks dan kejayaannya memerlukan usaha dan kerjasama teguh daripada semua pihak berkepentingan. Oleh itu, peranan PADU adalah untuk memastikan semua pihak bergerak bersama bagi mencapai matlamat yang ditetapkan serta keberhasilan yang dihasratkan.

Tanggungjawab utama PADU:

- Penyelesaian masalah dan mengambil tindakan pembetulan bagi meningkatkan prestasi
- Ketelusan dalam penyampaian dengan kaedah pemantauan dan pelaporan yang berkala
- Memberi sokongan penuh kepada pihak berkepentingan dalam dan luaran secara berterusan
- Memudahkan kerjasama dan kolaborasi antara Bahagian /sektor
- Membudayakan cara kerja efektif dan efisien

Untuk mendapatkan maklumat lanjut berkaitan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dan PADU sila layari <http://www.padu.edu.my/>

Mengenai Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV)

Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV), dahulunya dikenali sebagai Jabatan Pendidikan Teknikal, telah ditubuhkan pada tahun 1964. Peranan utamanya adalah menentukan pelaksanaan dan kemajuan pendidikan teknikal dan vokasional secara berterusan di negara ini. Skop tugas BPTV termasuk memberi khidmat menyelidik, merancang, melaksana, menyelaras, menyelia dan memantau perkembangan pendidikan teknikal dan vokasional di peringkat Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bagi Sekolah Menengah Teknik dan Sekolah Menengah Vokasional (SMT/V) di seluruh Negara.



Pendidikan teknikal dan vokasional dihasratkan memberi peluang kepada pelajar yang mempunyai kecenderungan dalam pendidikan sains dan teknologi untuk memenuhi tenaga kerja dalam bidang industri Negara. Bagi merealisasikan hasrat ini, BPTV menawarkan program-program yang membolehkan pelajar berpotensi menjadi separa profesional dalam pelbagai bidang teknikal dan kejuruteraan.

Bermula 1 Mac 2008, berlaku satu pengstrukturkan menyeluruh di peringkat Kementerian Pelajaran Malaysia. Jabatan Pendidikan Teknikal ditukar kepada Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) dan diketuai oleh seorang Pengarah yang bertanggungjawab kepada Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Sektor Operasi Pendidikan. BPTV terbahagi kepada 4 mengikut fungsi utamanya iaitu :

- I. Pengoperasian Sekolah
- II. Pengurusan Akademik
- III. Pembangunan PTV
- IV. Pembangunan Kejurulatihan PTV

MAKLUMAT LANJUT :

Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
Aras 5 Dan 6, Blok E14, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62604 Putrajaya.

Tel : 03-8884 5154

E-mail : info.bptv@moe.gov.my

Laman Web : <http://bptv.moe.gov.my/>



FOTO :



Pelajar menjalani latihan automotif di kolej vokasional - Gambar Ihsan Kementerian Pendidikan.



Pelajar menjalani latihan kerja logam di kolej vokasional - Gambar Ihsan Kementerian Pendidikan.

UNTUK PERTANYAAN MEDIA, SILA HUBUNGI:

Audrey Edwards, Perunding PA
Anne Edwards & Company Sdn Bhd
HP: 019-615 5107
audrey@anneedwardstv.com
audee13@gmail.com
<https://anneedwardstv.com>

Yusaini bin Mohd Yusop
Penolong Pengarah
Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 6, Blok E14 , Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel : 03-88845074 | Faks: 03-88845102

Hairul Hilmi Bin Ramlee
Pengarah, Struktur Sistem
Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU)
hairul@padu.edu.my
<http://www.padu.edu.my/>